



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**  
**PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2012**

**KENAIKAN GAJI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI BAWAH SISTEM SARAAAN MALAYSIA**

**1. TUJUAN**

Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan sebagaimana diumumkan pada 8 Mac 2012 mengenai kenaikan gaji sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia (SSM) dengan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) antara RM80.00 hingga RM320.00 kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, serta Kumpulan Pelaksana. Bagi Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, kenaikan gaji diberi sebanyak 7% hingga 9% dengan KGT berdasarkan pelarasan peratusan yang ditetapkan.

**2. DEFINISI**

Dalam pekeling perkhidmatan ini:

2.1 **“Gaji baru”** bermaksud amaun gaji yang telah diberi kenaikan mengikut peratusan yang ditetapkan berkuatkuasa 1 Januari 2012

2.2 **“Gaji hakiki”** bermaksud gaji yang ditetapkan di gred hakiki pegawai pada 31 Disember 2011

2.3 “**Ketua Jabatan**” bermaksud Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang

2.4 “**Pihak Berkuasa Berkanun**” bermaksud Lembaga Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan di bawah Akta 110, Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973

2.5 “**Kumpulan Pelaksana**” bermaksud Kumpulan Sokongan di bawah SSM

### 3. KEPUTUSAN

Adalah diputuskan bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 Tahun 2012 mengenai Kenaikan Gaji Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012 dan telah dikeluarkan pada 30 Mac 2012.

### 4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012.

### 5. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini maka jadual gaji dan peruntukan-peruntukan pekelling perkhidmatan berikut adalah dibatalkan.

5.1 Jadual gaji bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah SSM sebelum 1 Januari 2012.

5.2 Semua peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2011 (Pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan) kecuali perenggan 68 dan lampiran yang berkaitan seperti di Apendiks 1

LPP (A) 5/10 JLD 14 ( )

5.3 Semua peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2011 (Pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam Bagi Kumpulan Premier dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi) kecuali perenggan 46 dan lampiran yang berkaitan seperti di Apendiks 2.

5.4 Semua peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2011 (Pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Persekutuan) kecuali perenggan 92 dan lampiran yang berkaitan seperti di Apendiks 3.

Sekian, terima kasih.

**(DATO' ARPAN SHAH BIN SATU)**

Ketua Pengarah  
Lembaga Pertubuhan Peladang.

April 2012

Edaran kepada:

- Semua Timbalan Ketua Pengarah
- Semua Pengarah Bahagian
- Semua Pengarah LPP Negeri
- Pengurus Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang
- Setiausaha Kesatuan .....